

16/04/1997

Dr Mahathir lancar projek KL Sentral

Mutazar Abd Ghani

KUALA Lumpur Sentral Sdn Bhd (Kuala Lumpur Sentral), pemaju projek hartanah Kuala Lumpur Sentral (KL Sentral) bernilai berbilion-bilion ringgit di ibu negara, mencatat satu lagi sejarah berikutan majlis pecah tanah untuk Stesen Sentral Kuala Lumpur, malam tadi.

Upacara bersejarah dan penuh gemilang itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menandakan bermulanya pembinaan pusat pengangkutan baru di negara ini, yang juga nadi kepada keseluruhan pembangunan KL Sentral berharga RM4 bilion.

Turut hadir Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Sharif; Pengerusi Kereta Tanah Melayu Bhd (KTMB), Tan Sri C Selvarajah dan Pengerusi Eksekutif Kuala Lumpur Sentral, Datuk Khalid Ahmad.

Menurut Khalid, Stesen Sentral yang terletak hanya 1.5 kilometer dari pusat bandar Kuala Lumpur akan menjadi mercu tanda penting di negara ini apabila ia siap sepenuhnya menjelang akhir 1999.

Beliau berkata stesen itu meliputi tapak seluas 3.72 hektar dan tambahan 2.72 hektar untuk kawasan trek yang boleh menampung seramai 140,000 pengguna setiap hari menjelang tahun 2000.

Kata beliau, setakat ini pihaknya sudah membelanjakan RM60 juta untuk kerja awal pembinaan stesen terbabit, yang antara lain akan menempatkan perkhidmatan rel seperti KTM Intercity, KTM Komuter, Ekspres ERL dan Putra LRT.

"Ciri utama stesen ini ialah ia dapat menempatkan 12 platform di dalam sebuah bangunan enam tingkat dan mampu menyediakan perkhidmatan kepada 140,000 penumpang setiap hari hingga tahun 2000 dan 100 juta setahun menjelang tahun 2020.

"Persekitaran stesen juga adalah kesinambungan konsep Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)," katanya.

Kuala Lumpur Sentral adalah usaha sama antara Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB), KTMB dan Pembinaan Redzai.

Mengenai pembangunan keseluruhan projek KL Sentral yang terletak di Brickfields, Kuala Lumpur, itu, Khalid menyatakan setakat ini sejumlah RM640 juta daripada kawasan terbabit sudah dipasarkan kepada syarikat antarabangsa dari Jepun dan Singapura.

Selain itu, beliau berkata beberapa syarikat tempatan kini sedang mengadakan perbincangan untuk membeli hak dan blok pembangunan di kawasan terbabit.

(END)